



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (65)
Tarikh : 17 April 2020

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 15/2020 (5 April hingga 11 April 2020) untuk persetujuan YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 15/2020 dari 5 April hingga 11 April 2020)

Situasi kes Demam Denggi mingguan bermula dari minggu terakhir bulan Februari tahun ini telah menunjukkan penurunan setiap minggu selama tujuh (7) minggu berturut-turut. Pada minggu ke-15, ianya terus menunjukkan pengurangan dengan sebanyak 1,121 kes dilaporkan berbanding 1,170 kes pada minggu sebelumnya (penurunan 4.2%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-15 berbanding sembilan (9) kematian pada minggu sebelumnya. Sehingga kini kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 36,529 kes berbanding 39,805 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 8.2%). Kumulatif kematian akibat komplikasi Demam Denggi pula adalah sebanyak 60 kematian berbanding 64 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak empat (4) kematian (6.25%) **(Lampiran A & C)**.

Pada minggu ke-15 ini, jumlah kes mingguan yang dilaporkan adalah lebih rendah berbanding jumlah kes mingguan bagi tempoh sama tahun 2019 serta kes median 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 **(Lampiran B)**. Jumlah lokaliti hotspot yang dilaporkan adalah sebanyak 76 lokaliti iaitu pengurangan sebanyak 14 lokaliti berbanding 90 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 88.16% atau 67 hotspot dari keseluruhan 76 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 4 hotspot (5.26%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 3 hotspot di negeri Perak (3.95%) dan 2 hotspot di Negeri Sembilan (2.63%) **(Lampiran B & D)**.

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak lapan (8) kes pada minggu ke-14 melibatkan empat (4) kes dari negeri Perak serta masing-masing dua (2) kes dari negeri Kedah dan Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 389 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 586 sampel darah dan 9 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Walaupun masih perlu meneruskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan jangkitan COVID-19, KKM ingin mengingatkan agar semua lapisan masyarakat termasuk pemilik premis perniagaan dan bangunan kedai, pengurusan pejabat, sekolah, pusat asuhan kanak-kanak termasuk TASKA atau TADIKA serta pengurusan rumah ibadat agar memastikan tindakan pencegahan dan kawalan Denggi terus dilaksanakan di premis masing-masing. Pastikan tiada takungan air di dalam bangunan yang tidak dihuni sepanjang tempoh PKP ini, seperti kolam air, baldi, kolam hiasan atau sebarang bekas takungan dengan cara membuang air tersebut kerana ianya akan menjadi tempat pembiakan Aedes. Bagi bekas air yang sukar dikosongkan seperti lubang tandas, tangki pam tandas, *gully trap* atau palong air hujan (*roof gutter*), bahan pembunuh jentik-jentik boleh diletakkan.


Bagi isi rumah, manfaatkan peluang berada di rumah untuk membersihkan tanah lapang yang berada di persekitaran kediaman dari bekas-bekas lusuh seperti kanvas, tong cat terpakai, tin dan botol terpakai yang berpotensi untuk Aedes bertelur. Jangan leka, pastikan premis yang ditinggalkan tidak menjadi sarang Aedes. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


20 April 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke-14 dan ke-15 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke-14 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-15 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2020
(5 April hingga 11 April 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 15/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 15/2019	
		Minggu Epid 15 (5 April – 11 April 2020)		Minggu Epid 14 (29 Mac – 4 April 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	1	0	18	0	151	0
2	Kedah	12	0	9	0	330	0	649	2
3	P. Pinang	6	0	4	0	312	1	2,239	8
4	Perak	46	0	42	0	1,143	1	1,083	2
5	Selangor	557	2	629	4	22,180	23	23,323	19
6	WP KL & Putrajaya	117	0	116	0	2,894	4	3,615	1
7	N. Sembilan	51	0	49	1	768	2	789	3
8	Melaka	37	0	33	1	676	4	614	3
9	Johor	132	0	153	3	2,956	10	3,156	10
10	Pahang	47	0	27	0	913	2	391	4
11	Terengganu	1	0	4	0	103	0	259	0
12	Kelantan	42	0	33	0	1,386	2	1,217	2
13	Sarawak	30	0	22	0	862	2	504	0
14	Sabah	43	0	48	0	1,984	9	1,800	10
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	15	0
	MALAYSIA	1,121	2	1,170	9	36,529	60	39,805	64

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 15/2020
(5 April hingga 11 April 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	99	157
2	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	109	125
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Flat B : Blok 13 - 19)	96	122
4	SELANGOR	H/Langat	Jln Kp 7-10 Tmn Kajang Perdana	22	104
5	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	34	100
6	SELANGOR	Petaling	SS 9a 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	17	95
7	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Sri Proton	44	94
8	SELANGOR	H/Langat	Jln Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	56	89
9	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	23	87
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 4 (P/puri Ceria)	17	87
11	SELANGOR	K/Langat	Taman Seri Medan	40	84
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Puchong (Jln Tpp 1/20-36)	25	73
13	SELANGOR	Petaling	Bt 3 (Suria Apt Tmn Bukit Pelangi)	11	70
14	WPKL	Cheras	Taman Suprame	16	68
15	WPKL	Cheras	Tmn Cheras-Jln Selasih,Bawang,Pelaga,SeraiWangi&Sw1-3	16	68
16	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Pprt B : Blok D,E,F	17	68
17	SELANGOR	Klang	Taman Sri Sentosa Jaya 01	18	67
18	SELANGOR	Petaling	Usj 6/4	17	66
19	SELANGOR	H/Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	20	66
20	SELANGOR	H/Selangor	Apt Seri Kembangan Bb	19	65
21	SELANGOR	Klang	Sek 32 (Apartment Rimau Indah)	24	64
22	SELANGOR	H/Langat	Jln Bunga Melur 7,9,11,11a,12&15 Tmn Muda	21	63
23	SELANGOR	Klang	Kampung Sungai Udang 12	13	63
24	WPKL	Putrajaya	Presint 9 - Fasa 10	16	61
25	SELANGOR	H/Langat	Taman Lagenda Suria	21	60
26	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	31	59
27	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma	16	55

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	H/Langat	Jln Harmoni 11,13-24 Tmn Harmoni Semenyih	21	55
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres C : Jln 19/8 - 19/14d)	9	55
30	SELANGOR	Klang	Apartment Bayu Villa	8	55
31	SELANGOR	Klang	Kampung Idaman 02	19	53
32	N SEMBILAN	Seremban	Laman Dilinea Impian	15	51
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	13	50
34	SELANGOR	H/Langat	Taman Bukit Cantik	9	50
35	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	20	50
36	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9-13)	9	47
37	SELANGOR	Klang	Taman Millenium Sentosa	13	46
38	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Subang Murni Teres : Jln U5/140-162)	7	45
39	SELANGOR	H/Langat	Taman Kemacahaya	16	44
40	SELANGOR	Klang	Flat Jalan Batu Nilam 15	16	44
41	PERAK	Kinta	Kg Chepor Tambahan	15	44
42	SELANGOR	Gombak	Tmn Garing Permai	13	43
43	SELANGOR	Sepang	Taman Desa Sentosa Fasa 2	21	43
44	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 5 Bdr Baru Btg Kali	9	43
45	SELANGOR	Sepang	Cyberia Town Villa	11	42
46	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok H-K)	9	41
47	SELANGOR	Klang	Sek 25 (Teres D : Jln 25/28 - 25/35)	10	40
48	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/D Bandar Bukit Mahkota	15	40
49	SELANGOR	Klang	Sek 25 (P/puri Taman Sri Muda)	8	39
50	SELANGOR	Klang	Condominium D'haven	10	39
51	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 7 (Sri Begonia)	7	39
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3	5	38
53	SELANGOR	Klang	Pandamaran Jaya 01	10	38
54	PERAK	Kinta	Tmn Rima Gamelan	11	38
55	SELANGOR	H/Selangor	Taman Cempaka	20	37
56	SELANGOR	Klang	Taman Maznah 03	6	36
57	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	4	35

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	8	35
59	SELANGOR	Petaling	Sek 15 (Dataran Otomobil : Blok 1-18)	6	35
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	50	35
61	SELANGOR	Klang	Sek 25 (Teres B : Jln 25/12-25/25)	17	35
62	N SEMBILAN	Seremban	Park Avenue	4	35
63	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	11	34
64	SELANGOR	Klang	Off Jalan Meru Jalan Muda 01	13	33
65	SELANGOR	Klang	Kampung Rantau Panjang 11	6	33
66	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	4	33
67	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	7	32
68	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 30	5	32
69	SELANGOR	Klang	Bandar Sultan Suleiman 02	6	32
70	SELANGOR	H/Langat	Jln 5/1-5/8 & 5/10 Tmn West Country	4	32
71	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	4	32
72	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	13	32
73	WPKL	Cheras	Tmn Cheras (Ketumbar Hieght Kondo)	7	31
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen 11 (Teres A : Jln 11/1-3)	15	31
75	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	4	31
76	SELANGOR	Klang	Taman Teluk Pulai 03	6	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 15/2020 (11 April 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Kuala Muda Sik Kota Setar Baling Pendang Yan	3 2 1 1 1 1	9
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	25 5 1	31
4	Perak	Larut, Matang & Selama Kampar Batang Padang Kuala Kangsar Kinta Manjung Kerian Hulu Perak	109 132 59 14 20 10 1 1	346
5	Selangor	Petaling	2	2
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Tumpat Bachok Kota Bharu Kuala Krai Tanah Merah	6 5 5 1 1	18
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH KUMULATIF			409	

